Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

Kekal akses pendidikan kepada semua, pastikan pendidikan tak terjejas - i-Guru

Oleh Mahani Ishak - Oktober 4, 2024 @ 4:22pm
mahani@bh.com.my



Dasar akses pendidikan kepada semua ketika ini dilihat pendekatan terbaik dalam menjaga kepentingan semua rakyat. - NSTP/ Gambar fail

KUALA LUMPUR: Kerajaan perlu mengekalkan akses pendidikan kepada semua murid tanpa dibezakan mengikut latar belakang keluarga bagi membolehkan bidang pendidikan terus menjadi sektor utama kerajaan.

Presiden Ikatan Guru-Guru Muslim Malaysia (i-Guru), Mohd Azizee Hasan, berkata dasar akses pendidikan kepada semua ketika ini dilihat pendekatan terbaik dalam menjaga kepentingan semua rakyat.

"Semua kelompok pelajar perlu diberikan pendidikan terbaik dan dalam hal ini, kerajaan juga perlu mencari mekanisme sesuai bagi menangani isu ketirisan akibat subsidi kepada golongan kaya.

"Jika kerajaan berhasrat menghapuskan subsidi hanya menyasarkan golongan kaya, ia wajar diperhalusi semua kerana mereka pembayar cukai yang tidak wajar diketepikan manfaat.

DISYORKAN

"Kerajaan mengambil langkah penghapusan menggunakan kaedah lain," katanya kepada BH, hari ini.

Semalam, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Zambry Abd Kadir, berkata kerajaan kekal dengan pendirian memastikan akses pendidikan dinikmati semua golongan walaupun terdapat cadangan menghentikan subsidi terhadap anak daripada keluarga kaya di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA).

Beliau berkata, dasar terbabit terus diberi keutamaan kepada semua golongan bermula daripada pendidikan di peringkat rendah hingga ke IPT.

Pada masa sama, beliau berharap tiada pihak memanipulasikan kenyataan disebut Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang bermaksud kerajaan mungkin menilai semula peruntukan subsidi bagi sektor pendidikan yang dinikmati golongan kaya.

Perkara berkaitan subsidi antara fokus akan diberi keutamaan kerajaan pada Belanjawan 2025 pada 18 Oktober nanti, dengan harapan ia dapat memanfaatkan golongan memerlukan.

Mohd Azizee berkata, golongan kaya berhak menikmati subsidi berdasarkan merit (prestasi) dan bukan hanya disebabkan status pendapatan.

"Pada masa sama, akses pendidikan untuk kaum khususnya kaum Bumiputera perlu dipertahankan atau dikekalkan.

"Jadi dalam hal ini kerajaan perlu memikirkan penyelesaian lain bagi mengatasi isu ketirisan pemberian subsidi khususnya di peringkat IPT," katanya.